



DUA ekor kura-kura spesies *red footed tortoise* yang dirampas Perhilitan. *Metro Ahad 29/5/2022 M8:5*

## Spesies makin pupus dijual RM8,795 seekor

**Kuala Lumpur:** Tidak ubah seperti harga 'emas' apabila kura-kura seludup berasal dari India dan benua Amerika Selatan boleh menjangkau harga sehingga AS\$2,000 (RM8,795) seekor.

Haiwan dilindungi dan hampir pupus itu dikesan kerap diseludup ke Asia untuk tujuan perdagangan haiwan peliharaan haram global dengan Malaysia dipilih sebagai transit.

Terbaru pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) merampas dua ekor kura-kura yang diseludup masuk ke negara ini.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, kejayaan itu hasil Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) Zon Selatan dilakukan pihaknya bersama Perbadanan Taman Negara Johor pada Khamis lalu.

Beliau berkata, hasil periksaan ke atas sebuah premis di Johor Bahru, pihaknya menemui dan merampas dua ekor kura-kura spesies *red footed tortoise* dan spesies *Indian star tortoise*.

Menurutnya, hidupan liar itu dirampas susulan pemilik premis gagal mempamerkan dokumen penyimpanan hidupan liar berkenaan semasa pemeriksaan dilakukan.

"Kesemua barang rampasan dibawa ke Jabatan Perhilitan Negeri Johor untuk tindakan dan siasatan lanjut."

"Kes akan disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716). Haiwan ini adalah spesis dilindungi dan tindakan menyimpan, menjual dan menyeludupnya adalah satu jenayah serius," katanya.

Difahamkan *red footed tortoise* adalah reptilia berasal dari Panama, Vene-



ABDUL Kadir

zuela, Guyana, Suriname dan Guiana di utara Amerika Selatan.

Manakala *Indian star tortoise* berasal dari India, Pakistan dan Sri Lanka.

Kura-kura spesies *Indian star tortoise* mampu menccah harga AS\$1,500 (RM6,150) seekor di pasaran gelap.

Sebelum ini seorang lelaki tempatan turut ditanah selepas menyeludup kura-kura bernilai hampir RM2 juta melalui Balai Ketibaan Antarabangsa Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Suspek dikesan cuba menyeludup kura-kura itu menggunakan bag bagasi. Pemeriksaan pada beg pertama menemui 152 ekor kura-kura spesies *Indian star tortoise* yang masih hidup dan diisi di dalam kotak.

Turut ditemui 170 ekor kura-kura disyaki spesies *Indian roofed turtle* selain tiga ekor disyaki spesies *Indian eyed turtle*. Semua kura-kura itu dianggarkan bernilai hampir RM2 juta berdasarkan harga pasaran gelap.